

Air lombong beracun Selangor undang musibah



Oleh KHAIRI MOHAMAD

khairi.mohamad@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Keputusan kerajaan negeri Selangor untuk mengepam air dari bekas lombong sebagai alternatif bagi menampung keperluan air mentah mungkin bakal mengundang musibah kepada penduduk Lembah Klang.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarpakara (gambar kecil) mendakwa, air bekas lombong adalah berisiko kerana ia mempunyai logam berat yang boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia untuk jangka masa panjang.

Menurutnya, teknologi menapis air yang mengandungi logam berat semanganya wujud, namun Malaysia masih belum memiliki teknologi berkenaan kerana sumber air yang kita miliki sebelum ini tidak mempunyai masalah dari segi kandungan dan selamat digunakan.

“Kita tidak berniat untuk menghalang tindakan mereka (Kerajaan Selangor) tetapi mereka perlu dedahkan hasil kajian yang mereka lakukan, contohnya di mana sampel yang mereka ambil, kekerapan sampel diambil dan apa parameter-parameter yang diuji.

“Sekarang ini musim hujan, kemungkinan sampel air lombong yang mereka ambil akan



menunjukkan bacaan yang selamat dan boleh digunakan tetapi bagaimana pula apabila tiba musim kering dan air kawasan lombong berkurangan, sudah tentu tahap keaktifan logam berat seperti plumbum, kromium dan mangan akan menjadi tinggi selain berbahaya untuk digunakan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Tambahnya, tindakan mengepam air bekas lombong ke sungai untuk dialir ke loji rawatan bukan sahaja berisiko kepada para pengguna malah ia mungkin mewujudkan masalah lain seperti berlaku pencemaran sungai dengan logam berat.

Dakwanya, keputusan yang diambil oleh Kerajaan Selangor itu mungkin menyebabkan pengguna perlu membayar tarif air yang tinggi pada kemudian hari kerana air sungai yang mengandungi lo-


gam berat perlu dirawat dengan teknologi yang mahal.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebelum ini berkata, kerja-kerja mengepam air dari sembilan buah bekas lombong di negeri itu telah dimulakan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air ketika ini.

Sementara itu, Piarpakara berkata, krisis air yang berlaku bukanlah secara semula jadi kerana perkara itu sudah dapat dijangka sebelum ini dan pihak berkuasa seharusnya membuat perancangan awal untuk berdepan dengan masalah tersebut.

“Sekiranya projek Langat 2 berjalan seperti dirancang dahulu, kemungkinan ia sudah boleh digunakan tahun ini dan kerajaan mempunyai margin simpanan air sehingga 20 peratus yang mampu menampung jumlah permintaan sehingga enam bulan, tetapi mereka terlambat untuk sedar.

“Berdasarkan data yang di-



ANTARA bekas lombong yang terdapat di Rawang, Selangor. Kerajaan Selangor bercadang mengepam air di lombong seperti ini untuk disalurkan kepada penduduk Lembah Klang. – Gambar hiasan



KERATAN Kosmo! 22 April 2014.

peroleh juga, kadar air tidak berhasil (NRW) di Selangor mencatatkan 33.1 peratus pada 2012 dan sudah tentu ia satu jumlah yang tinggi disebabkan keprihatinan yang kurang oleh kerajaan negeri dari segi penyelenggaraan sistem paip yang ada tetapi semuanya sudah terlambat,” ujarnya.

Ketika ini, seramai 6.7 juta penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terpaksa menghadapi catuan bekalan air yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor sejak 27 Februari lalu.